

HARI ANUGERAH CEMERLANG KALI KE-10, HARI TUNAS USAHAWAN DAN
PELANCARAN TAMAN TEKNOLOGI HIJAU 2010
SMK PADANG BESAR (U)

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA BRIG. JEN. DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)

DI MAJLIS PERASMIAN HARI ANUGERAH CEMERLANG KALI KE-10, HARI
TUNAS USAHAWAN DAN PELANCARAN TAMAN TEKNOLOGI HIJAU 2010
SMK PADANG BESAR (U)

PADA 14 JULAI 2010

PUKUL 8.30 PAGI

BERTEMPAT

DI DEWAN SERI UTARA, SMK PADANG BESAR (U)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia.

Yang Berbahagia Encik Mansor bin Lat, Pengarah Pelajaran Negeri
Perlis,

Yang Berusaha Encik Abdul Rashid bin Sulaiman, Pengetua SMK
Padang Besar (U),

Yang Berusaha Encik Marhalim bin Haji Hashim, Pengarah RISDA
Negeri Perlis,

Yang Berusaha Encik Mustafa bin Mat Saman, Yang Dipertua PIBG
SMK Padang Besar (U),

Encik Mohd Zahir bin Saad , Ketua Penolong Pengarah, Bahagian
Teknologi Pendidikan,

Wakil-wakil Jabatan Pelajaran Negeri Perlis,

Pengetua-pengetua, guru-guru besar atau wakil,

Penolong-penolong kanan dan guru-guru kanan SMK Padang Besar
(U),

pegawai perhubungan sekolah,

Ahli-ahli jawatankuasa PIBG,

Guru-guru,

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, saya diberikan kesempatan bersua dengan tuan-tuan, puan-puan dalam majlis Hari Anugerah Cemerlang SMK Padang Besar (U). Terima kasih saya ucapkan kepada pihak sekolah, khususnya Pengetua, Encik Abdul Rashid bin Sulaiman atas kesudian menjemput saya. Saya difahamkan ini merupakan kali kedua pihak sekolah menjemput pihak UniMAP untuk turut sama menyertai warga sekolah dalam majlis anugerah ini. Sudah tentu saya amat berbangga dan berbesar hati kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini.

Mudik ke hulu menaiki sampan,
Sampan dikayuh ketengah muara,
Sekalung penghargaan saya titipkan,
Diatas undangan kalian semua.

Hadirin sekalian,

Pendidikan dan pengetahuan adalah prasyarat yang penting untuk setiap negara yang ingin mencapai kejayaan. Kekuatan dan ketahanan sesebuah negara tersebut adalah berasaskan masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan. Malaysia, pada hari ini telah diiktiraf sebagai antara negara yang paling berjaya dalam menyediakan akses kepada pendidikan untuk rakyat.

UNESCO dalam Education For All Global Monitoring Report 2009 telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 45 daripada 129 negara. Ini sekali gus menempatkan Malaysia dalam kalangan 56 negara yang berada pada kedudukan aras tinggi dalam indeks pembangunan pendidikan untuk semua. Hal ini merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan untuk sistem pendidikan Malaysia.

Untuk mencapai status sebagai sebuah negara maju dan saintifik mengikut acuan sendiri, maka masyarakat yang maju perlu bersedia untuk menerima sesuatu yang baru dan pembaharuan ini pastinya lebih baik. Selaras dengan itu, agenda penting kerajaan adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Agen perubahan utama ialah pendidikan kerana pendidikan merupakan wahana terpenting dalam pembangunan sumber manusia ke arah pencapaian matlamat pembangunan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Menurut laporan Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN), seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam ucapannya sempena majlis pelancaran Model Ekonomi Baru (MEB), 80% daripada tenaga kerja negara hanya berpendidikan setakat kelayakan SPM yang tidak sejajar dengan ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang dihasratkan oleh kerajaan. Hasrat kerajaan ialah mahu rakyat mendapat pendapatan lebih baik sekali gus kehidupan yang jauh lebih baik akan dapat dinikmati. Maka menjadi cabaran kepada kita, khususnya ibu bapa, warga pendidikan dan

masyarakat amnya untuk memastikan anak-anak kita bukan sekadar berpuas hati dengan memiliki kelulusan SPM sahaja, malah perlu berusaha mencipta kejayaan dengan menjejakkan kaki di institusi pengajian tinggi dan menggenggam segulung ijazah kerana era masa kini menuntut kita berlumba-lumba dan bersaing demi mengejar kecemerlangan.

Seperti yang kita semua sedia maklum, para murid merupakan tiang negara dan bakal menjadi pemimpin negara. Oleh itu, asuhan, bimbingan dan dorongan dalam segenap aspek kehidupan dari peringkat awal lagi amatlah penting. Pencapaian mereka dari segi akademik sahaja tidak memadai kerana pembangunan dan perkembangan yang tinggi dalam aspek keperibadian juga perlu diberi perhatian yang sama berat.

Saya percaya sambutan Hari Anugerah pada hari ini adalah selari dengan matlamat memberi dorongan dan memotivasikan para murid agar terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam beberapa aspek penting seperti kurikulum, kokurikulum dan sahsiah. Hari anugerah sebegini sebenarnya sudah menjadi acara tradisi di setiap sekolah dan amat dinanti-nantikan oleh setiap anak murid. Kita percaya sambutan yang diadakan ini akan menjadi penggerak kepada pihak sekolah dan ibu bapa agar dapat merencanakan sesuatu yang dapat memberikan impak yang baik kepada kejayaan sekolah.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada para murid yang akan menerima hadiah nanti

atas pencapaian mereka dan diharapkan para murid yang tidak berkesempatan menerima hadiah agar tidak berputus asa atau kecewa. Yang penting bukanlah hadiah. Sebaliknya ialah usaha yang berterusan dengan penuh gigih sehingga mencapai matlamat diri yang telah ditetapkan dalam sanubari masing-masing.

Diharapkan para ibu bapa juga akan dapat memberi lebih tumpuan kepada anak-anak dan membantu mereka untuk mencapai kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga perkembangan 'soft skill' dan lapangan hidup. Jika tidak, mereka akan ketinggalan dan terpaksa mengharungi banyak masalah dan cabaran yang tidak terhitung dalam zaman globalisasi ini. Saya percaya hasil pengemblengan usaha pihak sekolah dan bantuan pihak PIBG dapat membawa banyak perubahan kepada sekolah ini.

Hadirin sekalian,

Disini, saya ingin berkongsi mengenai statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai jumlah kemasukan pelajar ke IPT, pada tahun 2009, jumlah pelajar yang mendaftar di IPT ialah 174,677 bagi lelaki manakala pelajar perempuan pula ialah seramai 206,659. Berbanding dengan jumlah pelajar yang mendaftar pada tahun 2008 iaitu bagi pelajar lelaki yang mendaftar di IPT ialah 162,977 manakala pelajar perempuan seramai 206,192.

Kedua-dua data ini menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang mendaftar di IPT di Malaysia. Jika dilihat pada jumlah peningkatan tersebut maka tidak mustahil untuk setiap keluarga di Malaysia menempatkan diri dalam kelompok sebagai pelajar IPT. Tiada apa yang mustahil untuk dicapai tetapi hanya azam dan tekad sahaja yang akan membezakan di antara seseorang itu. Sama seperti para pelajar sekalian, jika anda mempunyai azam dan tekad untuk menyambung pengajian ke peringkat universiti, saya yakin anda mampu menjadi antara pelajar IPT dan turut sama tersenarai dalam statistic KPT tersebut. Pada saya, jumlah peningkatan itu cukup memberangsangkan dan ini merupakan satu kepastian bahawa sesiapa sahaja mampu bergelar graduan asalkan ada kemahuan dan usaha itu tangga kejayaan. Oleh itu, saya berharap agar semua pelajar yang berada di hadapan saya ini akan menjadi graduan IPT dan kelak menjadi kebanggaan bukan sahaja ibu bapa malah guru dan seluruh masyarakat Negara ini. Amin.

Hadirini sekalian,

Sains dan teknologi kini banyak memberikan kemudahan serta kemajuan kepada manusia secara meluas. Sudah pasti bidang tersebut melibatkan kemajuan yang dapat mengubah hidup manusia itu sendiri, Sebagai contoh, bidang agroteknologi yakni menggunakan elemen teknologi untuk pelbagai tujuan dalam bidang pertanian.

UniMAP sentiasa memberikan sokongan kepada pihak sekolah terutama dalam projek dan penyelidikan berkaitan agroteknologi di SMK Padang Besar (U) iaitu melalui inovasi taman teknologi hijau. Selain memberi pengetahuan tentang ilmu agroteknologi, pendekatan 'hands on minds on' iaitu murid sendiri melakukan aktiviti amali pertanian, saya percaya penyampaian ilmu lebih berkesan. Anak-anak kita hari ini lebih menyukai sesuatu yang bersifat 'dekat' kepada mereka. Cara pembelajaran amali ini akan membolehkan murid belajar menggunakan semua pancaindera yang ada.

Oleh itu, konsep dan visual boleh diaplikasikan dalam pembelajaran melalui kaedah ini. Murid diajar membuat aktiviti berkaitan konsep, membuat pemerhatian, mengumpul data, mengolah data dan membuat kesimpulan mengenainya. Secara tidak langsung, murid juga dapat meningkatkan kemahiran berfikir dan manipulatif sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kurikulum. Sehubungan dengan itu, murid yang terlibat dengan projek Taman Teknologi Hijau dapat belajar sesuatu yang lain daripada dalam kelas yang saya percaya mampu dijadikan panduan berdasarkan pengalaman yang telah ditimba oleh mereka.

Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, di UniMAP juga terdapat Unit Pembangunan Agroteknologi (UPA) yang berperanan membangunkan Stesyen Penyelidikan Agroteknologi (SPA) di Kampus Sg Chuchuh. SPA yang terletak di kawasan seluas 100 hektar, terkini SPA telah dibangunkan seluas 6 hektar dan dilengkapi dengan kemudahan asas

penyelidikan. SPA adalah sebagai satu mercu tanda kesungguhan UniMAP dalam memacu penjanaaan ilmu dan modal insan dalam bidang-bidang berasaskan biosains dan bioteknologi yang kami percaya akan menjadi penggerak kemajuan selepas peranan kejuruteraan, dan ICT telah membuktikan kejayaannya.

Apa yang lebih menarik, penyelidik-penyelidik UniMAP telah turun padang menjadi perunding dan telah berganding bahu bekerjasama dengan agensi dan pertanian setempat, antaranya adalah MOA (Memorandum of Agreements) dengan Jabatan Pertanian Perlis untuk menangani masalah pengeluaran dan mutu Harumanis. SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia) Perlis telah melantik kumpulan penyelidik dari SPA untuk memberi saranan dalam pengendalian sisa bagi projek fedlot lembu daging. Beberapa inisiatif kerjasama dengan agensi-agensi dan pelbagai syarikat yang cenderung kepada pertanian sedang diusahakan.

Dua teknologi yang dijangka dapat merubah suasana industri pertanian Perlis ialah: Pengeluaran Herba berpiawai dan Pengeluaran tanaman secara persekitaran terkawal. Teknologi-teknologi ini sedang ditambah nilai dan diubahsuai untuk penggunaan setempat dan diketengahkan ialah pada bahagian pengeluaran. Dalam hal ini SPA bersedia membantu mana-mana pihak yang berminat untuk menggunakan teknologi ini. Mungkin para pelajar disini juga yang mempunyai minat untuk mendalami ilmu teknologi ini boleh berbuat demikian.

Penyertaan anda semua amatlah dialu-alukan kerana itulah fungsi utama penubuhan UniMAP di negeri Perlis ini iaitu membantu anak-anak Perlis untuk lebih maju dan berdaya saing serta mampu memberi perkhidmatan kepada negeri Perlis yang tercinta ini.

Hadirin sekalian,

Pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah bukan sekadar melahirkan usahawan malahan untuk membentuk dan mendidik murid supaya memiliki ciri-ciri dan nilai-nilai keusahawanan. Saya difahamkan pihak sekolah juga mengadakan Hari Tunas Usahawan pada hari ini. Saya amat menyokong program sebegini. Pembentukan usahawan perlu bermula dari bangku sekolah lagi. Usahawan adalah orang yang mempunyai matlamat hidup, daya usaha dan penuh bersemangat. Inilah ciri-ciri peribadi yang perlu ditanam kepada setiap murid. Maka penglibatan murid sebagai usahawan pada hari ini mendedahkan mereka pada pengetahuan dan kemahiran asas perniagaan dan keusahawanan seperti aspek kewangan, simpan kira, etika perniagaan dan juga konsumerisme. Oleh itu, bertepatanlah bahawa sekolah merupakan medan yang paling sesuai untuk membekalkan modal insan yang berkualiti pada masa akan datang.

Sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Saya berharap murid-murid yang berada dalam dewan ini akan terus berusaha untuk mencipta kecemerlangan pada tahun akan

datang. Jadikan majlis ini sebagai pembakar semangat untuk terus berjuang. Dalam majlis ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ribuan terima kasih, syabas dan tahniah kepada pihak sekolah yang mengadakan program pada hari ini. Semoga jalinan hubungan yang baik antara sekolah dan UNIMAP akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Akhir kata, marilah bersama-sama kita menggembeng tenaga dan minda, menyatukan hasrat, membaharui tekad dan iltizam serta mengukuh ampuhkan semangat 1 Malaysia demi melonjakkan mutu pendidikan negara supaya mencecah matlamat yang disasarkan. Insya-Allah.

Dengan harapan yang sedemikian, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan Hari Anugerah Cemerlang Kali Ke-10, Hari Tunas Usahawan dan melancarkan Taman Teknologi Hijau 2010.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam hormat dan terima kasih.